

13/04/1998

Titi perintis majukan IT

TOP IT Industries Sdn Bhd (Titi), anak syarikat baru yang ditubuhkan kerajaan negeri, akan dijadikan landasan memajukan industri Teknologi Maklumat (IT) di Terengganu dan mewujudkan mini Koridor Raya Multimedia (MSC) di Pantai Timur.

Syarikat itu dimiliki 100 peratus oleh Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT). Sebelum ini, pembabitan yayasan itu dalam syarikat IT adalah menerusi pegangan 40 peratusnya dalam Solsis-YPK Terengganu Sdn Bhd yang ditubuhkan sejak 1993.

Bagaimanapun, Solsis (M) Sdn Bhd, anak syarikat Dataprep Holdings Bhd, menjual 60 peratus ekuiti miliknya bernilai RM264,500 dalam syarikat Solsis-YPK.

Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, berkata walaupun anak syarikat Dataprep Holdings Bhd itu menjual sahamnya, Titi masih memerlukan bantuan kepakaran syarikat itu.

Sehubungan itu, Titi juga akan menyelaras program IT di Terengganu dengan beberapa badan lain, termasuk Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (Kusza) dan Babena IT Management Sdn Bhd dan TDM Technologies Sdn Bhd serta Unit Pengurusan Maklumat negeri.

"Beberapa ahli lembaga pengarah Titi sudah dilantik, termasuk Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri (Upen), Ismail Sulong, manakala Datuk Abdul Rashid Ngah dilantik pengerusi syarikat itu," katanya pada majlis menandatangani perjanjian jual-beli saham Solsis-YPK Terengganu antara YPKT dan Dataprep Holdings Bhd, di Kuala Terengganu.

Perjanjian itu ditandatangani Pengerusi YPK Terengganu Sdn Bhd, Datuk Abdul Rashid Ngah dan Pengarah YPKT, Datuk Azman Muda, manakala Dataprep Holdings Bhd diwakili Pengerusi Eksekutif, Mirzan Mahathir dan Ketua Pegawai Operasi, Yeoh Kee Pin.

Wan Mokhtar berkata, dalam masa lebih empat tahun beroperasi, Solsis-YPK Terengganu dengan modal berbayar RM1 juta memperolehi pendapatan RM16 juta daripada kontrak membekalkan program komputer untuk Sukan Malaysia (Sukma) di Pahang tahun lalu dan kejohanan Taekwondo Sedunia di Kuala Terengganu, dua tahun lalu.

Katanya, Titi kini diberi kepercayaan menyediakan program untuk Sukma Ketujuh di Selangor, bernilai RM600,000, tahun ini.

Sementara itu, menurut Mirzan, kegawatan ekonomi yang melanda negara dan pasaran domestik yang lemah, memaksa syarikat swasta mengurangkan kos pengurusan, meningkatkan produktiviti dan bersaing dengan lebih gigih.

Beliau juga memberi jaminan akan terus membantu Titi, termasuk memberi khidmat nasihat dan teknikal supaya syarikat maju dalam industri IT di Pantai Timur.

(END)